

# Elak makan ikan buntal

U.M 21/06/08 M/S 16

Oleh FAIZAH IZZANI ZAKARIA

**KUALA LUMPUR** 20 Jun - Kementerian Kesihatan menasihatkan supaya orang ramai tidak membeli atau memakan ikan buntal yang didapati beracun dan boleh membawa maut.

Pengarah Kawalan Penyakit Kementerian Kesihatan, Datuk Dr. Hasan Abdul Rahman berkata, ini kerana kementerian itu melaporkan sebanyak enam kes keracunan makanan akibat memakan ikan buntal dari 6

Mei hingga 10 Jun lalu.

Katanya, kes-kes yang dilaporkan itu telah menyebabkan 36 orang sakit dan dua daripadanya meninggal dunia.

"Semua kes tersebut berlaku di daerah Johor Bharu iaitu dua kes dan satu kes masing-masing di Kota Tinggi, Batu Pahat, Kulai dan Pontian," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Katanya, ikan buntal atau puffer fish mempunyai racun semula jadi iaitu tetrodotoxin (TTX) yang terdapat dalam hati, ovari dan usus ikan tersebut.

Menurut Hasan, racun ikan itu sangat berbahaya dan tidak dapat dimusnahkan oleh suhu.

"Ia boleh menyebabkan gangguan sistem saraf yang serius dan boleh membawa maut. Keracunan boleh berlaku jika proses menyang ikan itu dilakukan dengan tidak berhati-hati," katanya.

Hasan berkata, Jabatan Kesihatan negeri Johor juga telah mengeluarkan notis di semua pasar dan premis menjual ikan buntal di seluruh negeri itu bagi melarang penjualannya kepada orang awam.

Katanya, orang ramai dinasihatkan melaporkan kepada Jabatan Kesihatan atau Pejabat Kesihatan daerah sekiranya terdapat penjualan telur, daging atau apa-apa produk daripada ikan buntal di negeri itu.

"Mereka juga perlu dapatkan rawatan segera jika sakit setelah memakan ikan itu. Antara gejala keracunan ikan tersebut adalah kebas di mulut, lidah, muka, hujung tangan dan kaki, muntah, cirit-birit, sakit perut, pening, sukar bercakap dan kelumpuhan," katanya.